



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUPAN MADANI BERKHIDMAT:
MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2025**

28 APRIL 2025

**BILIK KULIAH, KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN
SABAH (PERSEKUTUAN)**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

SALUTASI

****salutasi terkini akan disediakan secara berasingan***

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada **100 orang sukarelawan siswa dan alumni** kerana telah menyertai **MADANI Berkhidmat : Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2025** yang bermula pada 12 April 2025 sehingga 30 April 2025.
2. Saya difahamkan seramai 1,147 mahasiswa daripada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), politeknik dan kolej komuniti telah hadir sesi pemilihan pada bulan Januari yang lalu. Daripada jumlah tersebut, seramai 86 orang sukarelawan siswa terbaik yang telah berjaya terpilih ke Misi Sukarelawan Siswa di Negeri di bawah Bayu ini.

MADANI BERKHIDMAT : MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2025

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Tahun ini merupakan tahun ke-9 Yayasan Sukarelawan Siswa berbakti di negeri kedua terbesar di Malaysia. Sehingga tahun 2025, sebanyak **28 misi sukarelawan siswa ke Sabah yang dijalankan di 50 lokasi**, dengan penglibatan seramai **793 sukarelawan siswa** yang telah melaksanakan sebanyak **1,577 projek sukarelawan** yang **memberi impak kepada 189,064 komuniti**.

4. Pada tahun ini, YSS telah menghantar sukarelawan siswa ke tujuh (7) kawasan berikut :
 - a. Sekolah Menengah Kebangsaan Banggi di **Daerah Kudat – 2 pasukan**
 - b. Kampung Loktohog Banggi di **Daerah Kudat***
 - c. Kampung Ongkilan di **Daerah Kota Marudu**
 - d. Kampung Mangkulat di **Daerah Kota Belud**
 - e. Kampung Lohan di **Daerah Ranau**
 - f. Kampung Kipouvo di **Daerah Penampang** dan
 - g. Kampung Merotai Besar di **Daerah Kalabakan**.

5. Antara projek utama yang telah dijayakan adalah **pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung dan laluan kerusi roda sepanjang 200 meter bagi murid program pendidikan khas** di Sekolah Kebangsaan Loktohog, Banggi, Kudat.

6. **Projek tersebut membabitkan kos sebanyak RM20,000.00 dan memberi manfaat kepada seramai 108 orang murid di SK Logtohog.** Saya difahamkan anggaran kos ini sekiranya tender adalah sebanyak RM118,000.00, mengambil kira kekangan logistik di Pulau Banggi, Kudat. Saya juga ingin merakamkan ucapan **terima kasih kepada TalentCorp memberi tajaan RM10,000.00** bagi melaksanakan projek ini.

7. Manakala di **SK Merotai Besar, Tawau, satu ruang makan rancangan makanan tambahan telah berjaya diubah suai daripada saiz asal 25 kaki x 20 kaki kepada 76 kaki x 26 kaki yang memberi manfaat kepada 1,060 orang murid-murid** di mana ruang makan asal hanya mampu menampung 80 – 100 orang murid pada satu masa. Jumlah anggaran kos tender adalah sebanyak RM 200,000.00 dan sukarelawan siswa dapat menyiapkannya dengan implikasi kewangan sebanyak RM 75,000.00 dalam tujuh (7) hari bersama dengan bantuan komuniti.

8. Selain itu, saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam menjayakan program ini, antaranya :

- I. peralatan Microbit daripada Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI),
- II. minuman susu daripada Eco Yap,
- III. buku-buku daripada Pelangi Publishing House
- IV. peralatan gotong-royong daripada Mr. D.I.Y. untuk menjalankan pelbagai projek
- V. Kementerian Pertahanan Malaysia melalui Divisyen 5 Tentera Darat juga menyediakan enam (6) buah lori kenderaan lori bagi tujuan pengangkutan sukarelawan siswa ke semua lokasi.

9. Misi sukarelawan siswa adalah salah satu platform yang sangat penting kerana ia menjadi tapak integrasi nasional bagi sukarelawan siswa daripada pelbagai latar belakang yang berbeza untuk bersatu demi matlamat yang lebih besar. Misi Sukarelawan Siswa juga menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan agar semangat sukarelawan dipupuk dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat.

PENUTUP

10. Tahniah kepada semua sukarelawan siswa yang telah memberikan komitmen luar biasa sepanjang MADANI Berkhidmat : Misi Sukarelawan Siswa Ke Sabah 2025. **Dengan ini, saya mengumumkan bahawa kesemua peserta misi ini diiktiraf sebagai Ejen Perpaduan di bawah YSS.** Selamat menjalankan tugas sebagai Ejen Perpaduan!

11. Pesanan saya kepada semua ejen: "Ketulusan tak mengenal warna, kasih sayang tak memilih rupa. Setiap tindakan membawa harapan, menyatukan jiwa kecil dalam harmoni Malaysia."

Dengan ini, saya **merasmikan Majlis Penutupan Program MADANI Berkhidmat : Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2025.**

Sekian, terima kasih.